



GEMA GAMELAN, ALUNAN SAPE: KL FESTIVAL 2026 MEMBUKA TIRAI

Irama Pusaka menghimpunkan lima muzik tradisional Malaysia sebagai pembuka tirai aturcara budaya KL Festival 2026 yang bakal berlangsung selama 26 hari di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR, 7 MEI 2026 – Kuala Lumpur Festival 2026 (KL Fest) yang dikuasakan oleh Maxis serta dianjurkan oleh Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), disokong oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Wilayah Persekutuan telah dirasmikan pada malam ini menerusi persembahan gala *Irama Pusaka—Akar Tradisi, Nadi Baharu*, menandakan bermulanya sambutan budaya selama 26 hari di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Berlangsung di Auditorium Bandaraya DBKL, malam pembukaan itu menghimpunkan lima muzik tradisional Malaysia dalam satu persembahan istimewa—mencerminkan kepelbagaian budaya negara serta jalinan identiti yang dikongsi bersama.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Yang Berhormat Hannah Yeoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), bersama Yang Berhormat Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan; dan Yang Berhormat Datuk Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi, wakil kanan kerajaan, tampuk kepimpinan bandar raya, perwakilan diplomatik dan komuniti seni, ahli perniagaan serta masyarakat sivil Malaysia.

“KL Fest mencerminkan iltizam kami yang berpanjangan dalam membentuk Kuala Lumpur sebagai sebuah destinasi kreatif dan kaya kebudayaan, di mana budaya memainkan peranan penting dalam transformasi bandar, pertumbuhan ekonomi dan kepaduan sosial. Festival ini dapat direalisasikan melalui dukungan pelbagai pihak dan saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua rakan kerjasama yang bersama-sama menjayakan visi bersama untuk kota ini. Dengan momentum yang positif ini, sukacita untuk saya mengumumkan bahawa KL Fest akan kembali pada Mei 2027 dan kami mengalu-alukan lebih banyak kerjasama untuk tampil lebih awal agar kita dapat terus membentuk Kuala Lumpur sebagai ibu kota kreatif yang berakar pada identitinya sendiri serta terhubung dengan rantau dan dunia,” kata Yang Berhormat Hannah Yeoh.

Acara kemuncak malam tersebut menampilkan Orkestra Kuala Lumpur, bersama ensemble utama termasuk Gangsapura (gamelan), Lee Rubber Chinese Orchestra, Ekam Ensemble dan adiguru sape, Leslie Eli. Kelima-lima tradisi menemui titik pertemuan yang berakar dalam warisan, pada masa yang sama memandangkan ke hadapan, seiring dengan tema pesta tahun ini iaitu Ingatan dan Masa Depan. Walaupun berakar umbi dan diamalkan secara meluas, KL Fest menampilkan tradisi ini dalam ruang kota – mencetuskan penghargaan baharu dalam kalangan masyarakat tempatan dan pengunjung.



“KL Fest ialah sebahagian daripada usaha jangka masa panjang untuk memperkukuhkan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai tempat orang ramai meluangkan masa mereka secara aktif. Besar harapan kami untuk menjadikan Pusat Bandar sebagai tempat budaya, komuniti dan perdagangan berhimpun untuk menghidupkan kota ini. Festival ini memaparkan bagaimana warisan dan ruang awam dapat diaktifkan melalui program berkurasi, penceritaan, perkongsian, penciptaan pengalaman bermakna dan berterusan lama-kelamaan. Festival ini merupakan usaha yang dilaksanakan secara berfasa dan sistematik—merentasi sektor awam, swasta dan kreatif bagi membentuk kota yang lebih meriah, berdaya huni dan berbudaya,” kata YBhg Dato’ Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City.

Bermula dari 6 sehingga 31 Mei 2026, KL Festival menampilkan lebih 80 program merentasi 26 tempat yang mentransformasikan bangunan warisan, jalanan dan ruangan awam di Pusat Bandar Kuala Lumpur menjadi rangkaian pengalaman kebudayaan. Program festival merangkumi bayangan semula wayang kulit, tarian kontemporari, seni instalasi imersif, wayang pacak dan teater. Ianya juga turut menampilkan persembahan perdana dari Malaysia, Asia dan antarabangsa, sekali gus mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat serantau bagi wacana seni kontemporari.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif nasional Warisan KL, KL Festival memperkasa usaha penajaan semula bandar berteraskan budaya dengan menafsir semula dimensi ketara dan tidak ketara warisan kota. Dengan menggalakkan orang ramai meneroka semula ruang bandar, festival ini merangsang aktiviti ekonomi setempat, memperkukuh penghargaan terhadap budaya, serta memupuk rasa kebersamaan, kebanggaan kolektif dan identiti nasional yang lebih mendalam. Melalui pembaharuan berasaskan warisan, festival ini menyokong pertumbuhan bandar dan ekonomi jangka panjang, di samping mengukuhkan perpaduan negara.

“KL Festival merupakan bagaimana kita alami bandar ini melalui seni dan budaya—bukan sekadar di pentas tradisional, bahkan di ruang yang kita hidup dan melaluinya setiap hari. Aturcara festival ini menghimpunkan pelbagai karya, tradisi dan komuniti yang merenungi pembaharuan dan perkembangan Kuala Lumpur yang terbentuk daripada ingatan bersama, serta bagaimana kota ini dipandukan dengan cara baharu untuk melihat dan menghayati setiap pelusuknya,” jelas June Tan, Pengarah Artistik KL Festival.

Sebagai salah satu penaja utama dan rakan telekomunikasi eksklusif festival, Maxis mempertingkatkan KL Festival 2026 melalui sambungan yang lebih baik serta pengalaman digital yang lancar di seluruh lokasi festival. Melalui liputan rangkaian yang diperkukuh dan aktivasi di lapangan yang dikurasi, Maxis membantu mendekatkan orang ramai dengan kota dan antara satu sama lain, sekali gus mewujudkan pengalaman festival yang lebih terhubung dan menyeronokkan.



Kurasi festival ini dapat direalisasikan melalui usaha bersama pelbagai artis, komuniti dan rakan kongsi, termasuk Media Prima, Yayasan Hasanah, TSLaw Group, Epson, KLCC (Holdings), PNB Merdeka Ventures, Serai Group, AirAsia MOVE, Grab dan ramai lagi.

KL Festival berlangsung sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Warisan KL dan pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Bandar Kreatif Reka Bentuk UNESCO. Festival ini mencerminkan pendekatan menyeluruh masyarakat dalam pembentukan bandar berpaksikan gagasan bersama untuk membentuk sebuah kota yang lebih berjiwa, selamat dan bermakna untuk semua.

Program festival boleh diakses melalui www.klfestival.com.my.

TAMAT

Tentang KL Festival (KL Fest):

KL Fest ialah perayaan kota Kuala Lumpur yang utama. Pesta ini diilhamkan daripada pengiktirafan Bandar Kreatif UNESCO bagi bidang reka bentuk dan selari dengan aspirasi Warisan KL. Festival ini turut menghidupkan Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui penglibatan kreatif, budaya dan komuniti yang mewakili persembahan tempatan dan luar negara, seni pemasangan dan aturcara awam yang mampu diakses oleh semua. KL Fest diadakan merentasi bangunan warisan dan ruangan awam dengan mentransformasikan kawasan bersejarah menjadi destinasi kebudayaan yang meriah. Untuk maklumat lanjut, layari www.klfestival.com.my

Tentang Think City

Think City ialah sebuah organisasi berimpak yang ditubuhkan pada tahun 2009 bagi mewujudkan tempat yang lebih lestari dan saksama demi manfaat semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi mereka tertumpu kepada penyelesaian bandar, alam sekitar, komuniti sosial, serta ekonomi budaya. Think City merupakan anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, layari thinkcity.com.my.

Tentang Warisan Kuala Lumpur

Warisan KL ialah satu inisiatif pemuliharaan warisan dan budaya yang memacu usaha memperbaharui semula bandar untuk menghidupkan kembali jiwa Kuala Lumpur melalui pemulihan serta penjenamaan semula warisan binaannya. Misinya adalah untuk mewujudkan sebuah bandar yang lebih baik untuk didiami, sambil menggalakkan pertumbuhan pelancongan, perusahaan komuniti dan perdagangan. Dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, Warisan KL menyatukan agensi kerajaan, GLC, GLIC, rakan kongsi swasta dan komuniti untuk memposisikan Kuala Lumpur sebagai hab warisan, budaya dan kreativiti yang dinamik. Dengan menghidupkan semula bandar ini, Warisan KL meraikan masa lalu sambil membentuk masa depan Malaysia yang inklusif dan menarik.

Untuk maklumat media lanjut, sila hubungi:

Jacinta Vythilingam | E-mel: jacintav@spinmeistercomms.com | Tel: +6012 3145935